

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[POKOK SENA]****TARIKH : 30.11.2017****SOALAN : 33**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini kes SRC International dan adakah SPRM telah melengkapkan siasatannya seperti yang diarah oleh Peguam Negara pada April 2017.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Sebagaimana arahan Timbalan Pendakwa Raya, Pegawai Penyiasat sedang melaksanakan tindakan berhubung siasatan kes SRC International bagi mengambil keterangan lanjut daripada 2 orang saksi dan mengesan beberapa orang lagi saksi lain. Terdapat saksi yang masih belum dapat dikesan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 34 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 30 November 2017  
[ Khamis ]  
DARIPADA : YB. HAJJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]

**SOALAN :- 34**

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan Skim Insurans Bencana dan bagaimana pengagihan skim ini dijalankan atau pun terdapat garis panduan tertentu.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Perlindungan Bencana Negara (SPBN) merupakan satu inisiatif oleh pihak kerajaan persekutuan untuk memperkenalkan satu skim perlindungan insurans terhadap mangsa-mangsa bencana. Skim ini telah diperkenalkan oleh sebuah syarikat insurans di Kemaman, Terengganu.

Kerajaan telah menimbangankan cadangan pelaksanaan SPBN ini pada 2 Ogos 2017. Secara dasarnya, Kerajaan bersetuju dengan cadangan pelaksanaan SPBN tersebut diperluaskan ke seluruh negara, dengan fokus keutamaan yang lebih terhadap kawasan-kawasan yang terdedah dengan ancaman bencana banjir seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak dahulu sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM) telah mengkaji secara cadangan ini serta merangka cadangan mekanisme pelaksanaan yang bersesuaian. NADMA, JPM juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat insurans mengenai kaedah pelaksanaan SPBN bagi menjamin pelaksanaan dapat dibuat dengan lancar dan berkesan, selari dengan hasrat pihak kerajaan.

Hasil perbincangan dengan beberapa syarikat insurans berkenaan mendapati bahawa kebanyakan syarikat insurans meletakkan syarat minima penyertaan dan kawasan liputan tidak hanya dihadkan kepada kawasan berisiko bencana sahaja, tetapi diperluaskan ke seluruh negara.

Walaupun bagaimanapun kesemua tiga (3) buah syarikat insurans berkenaan telah memberikan maklum balas bahawa mereka menarik diri daripada tawaran menyertai skim berkenaan. (senarai 3 syarikat insurans berkenaan seperti di Maklumat Tambahan).

Sehubungan itu, pelaksanaan SPBN terpaksa ditangguhkan atas faktor-faktor yang dinyatakan di atas. Namun begitu, sekiranya terdapat mana-mana syarikat insurans yang berhasrat untuk menawarkan pakej produk yang menepati hasrat kerajaan dalam melindungi rakyat dari ancaman bencana, pihak NADMA, JPM amat mengalu-alukan untuk berbincang dan mengemukakan cadangan pelaksanaan SPBN yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.